
International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)
https://gaexcellence.com/ijepc

ISLAMISASI DAN IDENTITI MUSLIM SABAH SEBELUM 1963: MIGRASI, ADAPTASI BUDAYA DAN KETAHANAN KOMUNITI

ISLAMIZATION AND MUSLIM IDENTITY IN SABAH BEFORE 1963: MIGRATION, CULTURAL ADAPTATION AND COMMUNITY RESILIENCE

Zaifuddin Md Rasip[1], Nur Shahmirdha Sarrulan[1]*, Syamsul Azizul Marinsah[1], Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin[1], Hajar Opir[2], Moh Subhan[3]

[1]Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
zaifuddin@ums.edu.my https://orcid.org/0009-0002-9963-4371
nur_shahmirdha_mq25@iluv.ums.edu.my https://orcid.org/0009-0008-6230-1278
syamsulazizul@ums.edu.my https://orcid.org/0000-0003-4008-5160
mnhidayath_h@ums.edu.my https://orcid.org/0000-0001-5084-5093
[2]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Malaysia
Hajar_opir@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0003-4457-4789
[3]Fakultas Agama Islam, Universitas Islam Madura, Indonesia
mohsubhan@uim.ac.id https://orcid.org/0009-0002-3851-5109
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 13.07.2026
Revised date: 13.08.2026
Accepted date: 03.09.2026
Published date: 20.09.2026

Abstrak:

Artikel ini membincangkan Islamisasi dan pembentukan identiti Muslim Sabah sebelum tahun 1963 dengan memberi tumpuan kepada tiga unsur utama, iaitu migrasi Muslim, adaptasi budaya dan ketahanan komuniti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan dan analisis sejarah sosial terhadap sumber-sumber berkaitan perkembangan Islam, hubungan maritim, pengaruh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu, pentadbiran kolonial British serta kedudukan masyarakat Muslim di Borneo Utara. Dapatan kajian menunjukkan bahawa identiti Muslim Sabah tidak terbentuk melalui satu faktor tunggal, sebaliknya berkembang secara beransur-ansur melalui jaringan perdagangan, migrasi masyarakat Muslim,

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327

To cite this document:

Rasip, Z. M., Sarrulan, N.S., Marinsah, S. A., Hajimin, M. N. H. H., Opir, H., & Subhan, M. (2026). Islamisasi Dan Identiti Muslim Sabah Sebelum 1963: Migrasi, Adaptasi Budaya Dan Ketahanan Komuniti. *International Journal of Education, Psychology and Counselling, 11*(64), 1309-1327.

DOI: 10.35631/IJEPC.1164070

perkahwinan, pendidikan agama tidak formal dan hubungan sosial masyarakat pesisir. Di pantai barat, pengaruh Brunei memperkukuh identiti Melayu-Islam melalui bahasa, adat dan komuniti Muslim pesisir, manakala di pantai timur, jaringan Sulu-Mindanao membentuk identiti Islam maritim dalam kalangan masyarakat Bajau, Suluk, Tausug dan komuniti pesisir lain. Kajian ini juga mendapati bahawa pengalaman kolonial British menjadi ujian penting terhadap ketahanan komuniti Muslim apabila pengaruh kesultanan semakin terbatas dan misi Kristian memperoleh ruang yang lebih tersusun melalui pendidikan, kesihatan dan program sosial. Walau bagaimanapun, Islam terus dipertahankan melalui keluarga, imam, guru agama, masjid, surau, kelas al-Quran dan persatuan Islam. Artikel ini menegaskan bahawa Islamisasi Sabah sebelum 1963 perlu difahami bukan sekadar sebagai proses penyebaran agama, tetapi sebagai proses pembentukan identiti Muslim yang berakar dalam migrasi, adaptasi budaya dan ketahanan komuniti tempatan.

Kata Kunci:

Identiti Muslim, Islamisasi Sabah, Migrasi Muslim, Adaptasi Budaya, Borneo Utara

Abstract:

This article examines Islamization and the formation of Muslim identity in Sabah before 1963 by focusing on three main elements: Muslim migration, cultural adaptation, and community resilience. This study employs a qualitative approach based on library research and socio-historical analysis of sources related to the development of Islam, maritime networks, the influence of the Brunei and Sulu Sultanates, British colonial administration, and the position of Muslim communities in North Borneo. The findings show that Muslim identity in Sabah was not formed through a single factor, but developed gradually through trade networks, Muslim migration, intermarriage, informal religious education, and the social relations of coastal communities. On the west coast, Brunei's influence strengthened Malay-Muslim identity through language, customs, and coastal Muslim communities, while on the east coast, the Sulu-Mindanao network shaped a maritime Islamic identity among the Bajau, Suluk, Tausug, and other coastal groups. The study also finds that British colonial rule became an important test of Muslim community resilience, as the influence of the sultanates became increasingly limited while Christian missions gained a more organized space through education, healthcare, and social programmes. Nevertheless, Islam continued to be preserved through families, imams, religious teachers, mosques, prayer houses, Qur'anic classes, and Islamic associations. This article argues that Islamization in Sabah before 1963 should not be understood merely as a process of religious expansion, but as a process of Muslim identity formation rooted in migration, cultural adaptation, and the resilience of local communities.

Keyword:

Islamization of Sabah, Muslim Identity, Muslim Migration, Cultural Adaptation, North Borneo

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327
original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepc@gaexcllence.com

Pendahuluan

Islamisasi Sabah sebelum tahun 1963 bukan sekadar sejarah kemasukan agama ke dalam sebuah wilayah, tetapi merupakan proses sosial yang membentuk identiti Muslim masyarakat tempatan secara beransur-ansur. Identiti tersebut berkembang melalui pergerakan masyarakat Muslim, hubungan perdagangan, perkahwinan, penyesuaian budaya, pengaruh kuasa Islam serantau dan ketahanan komuniti dalam menghadapi perubahan politik colonial (Maulana, 2025). Oleh itu, sejarah Islam di Sabah perlu dilihat bukan hanya sebagai sejarah penyebaran agama, tetapi juga sebagai sejarah pembentukan komuniti Muslim yang hidup dalam jaringan sosial, budaya dan politik yang luas.

Kedudukan Sabah di utara Borneo menjadikannya wilayah penting dalam jaringan maritim Alam Melayu. Hubungan Sabah dengan Brunei, Sulu, Mindanao, Sulawesi dan Sumatera membuka ruang kepada pergerakan pedagang, pelaut, pendakwah dan komuniti Muslim sebelum terbentuknya sempadan politik moden. Beberapa petunjuk awal tentang hubungan Islam dengan wilayah sekitar Sabah sering dikaitkan dengan laluan perdagangan yang menghubungkan Canton, Ma-i atau Mendoro dan Kepulauan Sulu sejak abad ke-10 M, selain penemuan batu nisan Islam di Bud Dato, Jolo yang bertarikh 1310 M (Buyong, 1995). Walaupun bukti tersebut perlu ditafsirkan secara berhati-hati, ia menunjukkan bahawa kawasan sekitar pantai timur Sabah telah berada dalam lingkungan jaringan Islam serantau sebelum perkembangan Islam menjadi lebih tersusun.

Pembentukan identiti Muslim Sabah turut dipengaruhi oleh dua ruang sosial utama, iaitu ruang Melayu-Brunei di pantai barat dan ruang Sulu-Mindanao di pantai timur. Di pantai barat, pengaruh Brunei memperkukuh unsur Melayu-Islam melalui hubungan politik, migrasi masyarakat Melayu Brunei, adat, bahasa dan komuniti pesisir (Funston, 2001). Di pantai timur pula, hubungan dengan Sulu dan Mindanao membentuk jaringan Muslim maritim yang melibatkan masyarakat Bajau, Suluk, Tausug dan komuniti pesisir lain (Black, 1976). Kedua-dua ruang ini memperlihatkan bahawa identiti Muslim Sabah tidak bersifat tunggal, tetapi terbentuk melalui pertemuan pelbagai tradisi Islam serantau yang saling melengkapi.

Selain migrasi, adaptasi budaya menjadi unsur penting dalam memperkukuh penerimaan Islam. Islam tidak tersebar semata-mata melalui kuasa politik atau dakwah formal, tetapi juga melalui hubungan sosial yang dekat dengan kehidupan masyarakat tempatan. Pedagang Muslim, hubungan perkahwinan, kehidupan berkeluarga, pendidikan agama asas dan amalan harian telah menjadikan Islam lebih mudah difahami dan diterima dalam masyarakat (Sintang et al., 2019). Proses ini memperlihatkan bahawa dakwah Islam di Sabah berlangsung secara beransur-ansur, melalui akhlak, hubungan kekeluargaan dan penyesuaian budaya yang harmoni.

Namun, pembentukan identiti Muslim Sabah turut melalui fasa yang mencabar apabila pentadbiran kolonial British mengubah struktur politik dan sosial negeri ini. Pengaruh kesultanan semakin terbatas, manakala perkembangan Islam lebih banyak dipertahankan melalui kekuatan komuniti tempatan seperti guru agama, imam, pendakwah, masjid, surau, kelas al-Quran dan persatuan Islam (Jamil, 2010). Pada masa yang sama, misi Kristian memperoleh ruang yang lebih tersusun melalui pendidikan, kesihatan dan program sosial di

bawah suasana kolonial (Low & Pugh-Kitingan, 2015). Keadaan ini menjadikan ketahanan komuniti sebagai faktor penting dalam memastikan kesinambungan identiti Islam di Sabah.

Menjelang pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Islam telah mempunyai akar sejarah dan sosial yang kukuh di Sabah, walaupun kedudukannya dalam struktur negeri moden masih memerlukan pengukuhan. Ketiadaan peruntukan Islam sebagai agama rasmi negeri pada ketika itu menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pemimpin Islam tempatan dan mendorong kesedaran untuk memperkukuh organisasi serta institusi masyarakat Muslim (Nasution & Ghofur, 2017). Oleh itu, artikel ini meneliti Islamisasi dan pembentukan identiti Muslim Sabah sebelum 1963 dengan memberi tumpuan kepada tiga dimensi utama, iaitu migrasi Muslim, adaptasi budaya dan ketahanan komuniti dalam menghadapi perubahan sejarah.

Berdasarkan latar tersebut, artikel ini bertujuan menganalisis pembentukan identiti Muslim Sabah sebelum 1963 melalui tiga dimensi utama. Pertama, meneliti peranan migrasi Muslim dan komuniti pesisir dalam membentuk asas sosial masyarakat Islam Sabah. Kedua, menghuraikan proses adaptasi budaya Islam melalui perdagangan, perkahwinan, dakwah sosial dan amalan keagamaan harian. Ketiga, menganalisis ketahanan komuniti Muslim Sabah dalam menghadapi perubahan politik kolonial, persaingan misi Kristian dan keterbatasan institusi Islam menjelang pembentukan Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan dan analisis sejarah sosial. Pendekatan ini dipilih kerana perbincangan tentang Islamisasi dan pembentukan identiti Muslim Sabah sebelum tahun 1963 memerlukan penelitian terhadap sumber-sumber bertulis yang berkaitan dengan perkembangan agama, hubungan politik serantau, migrasi masyarakat Muslim dan perubahan sosial dalam masyarakat tempatan. Sumber kajian terdiri daripada monograf akademik, artikel akademik, prosiding, dokumen berkaitan sejarah Sabah serta kajian terdahulu yang membincangkan perkembangan Islam, pengaruh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu, pentadbiran kolonial British serta kedudukan Islam di Borneo Utara.

Pemilihan sumber rujukan dilakukan secara purposif berdasarkan kepada kesesuaian dengan skop kajian yang berberkait secara lansung dengan pembentukan komuniti Muslim sebelun tahun 1963. Fokus diberikan kepada maklumat yang membicarakan isu berkaitan migrasi, hubungan perdagangan, jaringan dakwah, pendidikan agama dan peranan kuasa politik serantau terhadap perkembangan Islam di Sabah. Sumber yang diperolihi akan dibandingkan secara silang bagi mengenal pasti pasti persamaan, perbezaan dan kecenderungan naratif sejarah, supaya dapat memastikan ketepatan interpretasi sesuatu maklumat.

Data yang diperolihi dianalisis secara tematik dengan memberi tumpuan kepada tiga tema utama, iaitu migrasi Muslim, adaptasi budaya dan ketahanan komuniti. Tema-tema ini digunakan bagi meneliti bagaimana Islam berkembang dalam masyarakat Sabah melalui pergerakan manusia, hubungan perdagangan, perkahwinan, amalan sosial, pendidikan agama tidak formal dan pengalaman menghadapi cabaran kolonial. Melalui pendekatan ini, artikel meneliti Islamisasi Sabah bukan hanya sebagai proses kemasukan agama, tetapi sebagai proses pembentukan identiti Muslim yang dipengaruhi oleh jaringan sosial, budaya, politik dan pengalaman sejarah masyarakat tempatan.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327

Sorotan Literatur

Perkembangan Islam di Sabah sangat berkait rapat dengan jaringan maritim Alam Melayu. Kedudukan Sabah yang strategik di utara Borneo menjadikannya sebagai wilayah pertemuan antara pedagang, pelaut, pendakwah, bangsawan dan komuniti pesisir yang berhubung dengan Brunei, Sulu, Mindanao, Sulawesi, Sumatera dan laluan perdagangan Asia Tenggara (Rasip et al., 2025c). Justeru itu kedatangan Islam di Sabah merupakan unsur yang secara perlahan membentuk jaringan sosial, budaya dan identiti masyarakat pesisir.

Kedatangan Islam ke Sabah sering dikaitkan dengan hubungan perdagangan Arab, India, Sulu dan Mindanao. Buyong (1995) menjelaskan bahawa kedatangan Islam ke Sabah melalui laluan perdagangan yang melibatkan Canton, Ma-i atau Mendoro dan Kepulauan Sulu sejak abad ke-10 M. Hal ini dikukuhkan lagi dengan penemuan batu nisan Islam di Bud Dato, Jolo bertarikh 1310 M serta manuskrip berbahasa Melayu di Kampung Sapagaya, Lahad Datu sebagai petunjuk kewujudan jaringan Islam di sekitar wilayah Sulu-Sabah-Mindanao. Namun demikian semua fakta ini perlu dinilai secara kritis kerana ia lebih menunjukkan hubungan awal dengan jaringan Islam serantau berbanding kewujudan institusi Islam yang sudah tersusun di Sabah pada peringkat tersebut.

Peranan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu merupakan dua pengaruh penting dalam pembentukan masyarakat Muslim Sabah. Pg. Menurut Abdurrahman (2003), Brunei merupakan pusat penyebaran Islam yang penting pada abad ke-16, terutamanya selepas kejatuhan Melaka kepada Portugis pada tahun 1511. Pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, pengaruh kesultanan Brunei terus berkembang luas di Borneo dan wilayah sekitarnya, manakala migrasi masyarakat Melayu Brunei ke pantai barat Sabah menyumbang kepada pembentukan komuniti Muslim pesisir. Migrasi masyarakat Melayu Brunei ini telah membawa bersama bahasa, adat dan budaya Melayu-Islam di kawasan tersebut (Funston, 2001). Kajian Black (1976) pula menunjukkan bahawa, hubungan Sabah dengan Sulu dan Mindanao di Pantai Timur memberi kesan penting terhadap pembentukan komuniti Muslim melalui perdagangan, migrasi dan hubungan masyarakat maritim.

Muhiddin (1990) menjelaskan bahawa dimensi sosial Islamisasi juga telah melalui perkahwinan, akhlak pedagang dan penyesuaian budaya. Pedagang Muslim dari Nusantara, Brunei, Sulawesi, Mindanao, Arab dan China bukan sahaja membawa barangan dagangan, tetapi turut memperkenalkan nilai Islam dalam hubungan sosial dan ekonomi. Menurut Sintang et al. (2019), perkahwinan antara pedagang Muslim dengan masyarakat tempatan telah mempercepatkan penerimaan Islam melalui hubungan kekeluargaan serta penyebaran amalan Islam dalam ruang domestik. Dimensi ini memberikan gambaran bahawa kedudukan Islam di Sabah tidak hanya terbentuk lantaran kuasa politik sahaja, sebaliknya kehidupan harian, hubungan keluarga, adat setempat dan dakwah sosial yang berlangsung secara harmoni memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan ini.

Namun demikian kedudukan Islam di Sabah pada zaman kolonial telah berlaku perubahan yang besar. Pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British sejak tahun 1881 telah mengubah struktur politik, ekonomi dan sosial masyarakat Sabah. Dalam tempoh ini, perkembangan Islam tidak lagi bergerak secara langsung melalui naungan politik kesultanan, sebaliknya banyak bergantung kepada ketahanan komuniti Muslim pesisir, guru agama, pendakwah tempatan, kelas agama tidak formal dan persatuan Islam. Jamil (2010) menjelaskan bahawa kedudukan umat Islam Sabah menjelang pembentukan Malaysia masih memerlukan penyatuan dan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327
pengukuhan, khususnya kerana 20 Perkara yang menjadi asas penyertaan Sabah ke dalam Malaysia tidak menetapkan Islam sebagai agama rasmi negeri. Hal ini turut dibincangkan oleh Madi (2009) yang menunjukkan wujudnya kegusaran dalam kalangan pemimpin Islam Sabah terhadap masa depan umat Islam menjelang tahun 1963.

Walaupun kajian terdahulu telah membincangkan kemasukan dan perkembangan Islam di Sabah melalui perdagangan, Brunei, Sulu, migrasi dan cabaran kolonial, perbincangan tersebut masih banyak tertumpu kepada sejarah perkembangan Islam secara kronologi. Namun demikian kajian ini kurang memberikan penumpuan kepada bagaimana proses Islamisasi ini telah membentuk identiti Muslim Sabah sebagai komuniti sosial, budaya dan agama sebelum 1963. Justeru itu, kajian ini menampung jurang tersebut dengan dengan memberikan penelitian Islamisasi di Sabah melalui tiga unsur utama, iaitu migrasi Muslim, adaptasi budaya dan ketahanan komuniti. Melalui penelitian terhadap tiga unsur ini, dapat difahami bahawa pembentukan identiti Muslim Sabah adalah merupakan hasil proses sejarah sosial yang berlapis, bukan sekadar hasil penerimaan agama secara formal.

Migrasi Muslim dan Pembentukan Komuniti Pesisir Sabah

Migrasi masyarakat Muslim ke Sabah terutamanya dari Brunei, Filipina, dan Indonesia, merupakan salah satu unsur yang penting dalam pembentukan identiti Muslim Sabah sebelum tahun 1963 Kedudukan Sabah di utara Borneo yang terbuka kepada laluan maritim menjadikannya ruang pertemuan antara pedagang, pelaut, pendakwah dan komuniti pesisir dari pelbagai wilayah Islam serantau (Rasip et al., 2025c). Hubungan Sabah dengan Brunei, Sulu, Mindanao, Sulawesi, Sumatera, India, Arab dan China membolehkan pergerakan manusia berlaku secara berterusan, sama ada melalui perdagangan, pelayaran, perpindahan politik, perkahwinan mahupun pencarian kehidupan yang lebih stabil (Hajimin et al., 2025). Hal ini menjadikan Islam hadir ke Sabah, bukan sekadar sebagai ajaran agama, tetapi sebagai cara hidup yang dibawa bersama oleh komuniti Muslim melalui bahasa, adat, akhlak, jaringan keluarga dan amalan harian.

Kedatangan Islam dengan wilayah sekitar Sabah sering dikaitkan dengan jaringan perdagangan yang menghubungkan Canton, Ma-i atau Mendoro dan Kepulauan Sulu sejak abad ke-10 M. Penemuan batu nisan Islam di Bud Dato, Jolo yang bertarikh 1310 M turut memberi gambaran bahawa wilayah Sulu telah menerima pengaruh Islam lebih awal sebelum proses Islamisasi berkembang secara lebih tersusun di pantai timur Sabah (Buyong, 1995). Walaupun bukti tersebut tidak secara langsung menunjukkan kewujudan institusi Islam yang mapan di Sabah pada peringkat awal, ia tetap penting kerana pantai timur Sabah tidak terpisah daripada dunia maritim Sulu-Mindanao. Kawasan seperti Lahad Datu, Kinabatangan dan Teluk Darvel menjadi ruang persinggahan dan perhubungan yang mempertemukan masyarakat tempatan dengan jaringan Islam serantau.

Migrasi masyarakat Muslim dari Sulu dan Mindanao memberi kesan besar terhadap pembentukan komuniti Muslim tempatan terutamanya dibahagian pantai timur Sabah. Kedudukan geografi antara Sabah dengan Sulu dan Mindanao memudahkan pergerakan pedagang, pelaut, pendakwah dan masyarakat pesisir merentasi sempadan maritim. Menurut Black (1976), tekanan daripada kolonial Sepanyol di selatan Filipina turut mendorong sebahagian masyarakat Muslim mencari perlindungan dan kehidupan yang lebih stabil di pantai timur Sabah. Kehadiran mereka memperkukuh jaringan sosial Islam melalui bahasa, adat, hubungan kekeluargaan dan amalan keagamaan yang dibawa bersama. Justeru, migrasi ini

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327
tidak hanya memberi kesan demografi, tetapi turut membentuk wajah budaya dan identiti Islam di kawasan pantai timur Sabah.

Manakala migrasi masyarakat Melayu Brunei si sebelah pantai barat Sabah, memainkan peranan penting dalam membentuk komuniti Muslim pesisir. Menurut Pg. Abdurrahman (2003), pengaruh Kesultanan Brunei, khususnya pada abad ke-16 M, membuka ruang kepada pergerakan masyarakat Melayu Brunei ke kawasan pantai barat Sabah. Komuniti Melayu Brunei membawa bersama bahasa Melayu Brunei, adat istiadat, amalan keagamaan dan budaya Melayu-Islam yang kemudiannya berinteraksi dengan masyarakat tempatan (Funston, 2001). Melalui kehidupan berjiran, hubungan perdagangan, perkahwinan dan aktiviti keagamaan tidak formal, identiti Muslim mula berakar dalam kehidupan masyarakat pesisir. Justeru itu kehadiran Islam ke Sabah terpisah daripada budaya, tetapi menyerap ke dalam kehidupan sosial melalui amalan harian yang mudah difahami dan diterima.

Komuniti Muslim pesisir di Sabah yang terbentuk ini memperlihatkan bahawa Islam berkembang melalui jaringan sosial yang hidup. Para pedagang Muslim tidak hanya hanya membawa barangan dagangan, tetapi mereka turut membawa nilai murni dalam urusan mereka, telah menjadi penarik kepada masyarakat tempatan seperti amanah, kejujuran, keadilan dan etika muamalah (Sadiida et al., 2025). Nilai-nilai mulia ini memberi kesan kepada hubungan antara masyarakat tempatan dengan komuniti Muslim yang datang dari luar. Dalam banyak keadaan, penerimaan terhadap Islam berlaku melalui kepercayaan sosial yang dibina secara perlahan, bukan melalui paksaan atau tekanan politik. Hal ini menunjukkan bahawa dakwah Islam di Sabah pada peringkat awal banyak bergerak melalui akhlak, hubungan kemanusiaan dan kesantunan hidup masyarakat Muslim.

Dapat disimpulkan bahawa migrasi Muslim telah membentuk asas penting kepada identiti Muslim Sabah sebelum tahun 1963. Di pantai timur, identiti tersebut banyak dipengaruhi oleh jaringan Sulu-Mindanao, manakala di pantai barat ia diperkukuh oleh pengaruh Melayu-Brunei. Kedua-dua ruang ini melahirkan komuniti Muslim pesisir yang berbeza dari segi latar budaya, tetapi berkongsi asas keagamaan yang sama. Daripada komuniti pesisir inilah Islam berkembang sebagai identiti sosial, budaya dan agama yang akhirnya menjadi sebahagian penting daripada sejarah masyarakat Sabah.

Perkahwinan, Dakwah Sosial dan Adaptasi Budaya Islam

Hubungan sosial yang dekat dengan kehidupan masyarakat tempatan merupakan antara faktor utama yang membantu membentukan identiti Muslim di Sabah semenjak sebelum tahun 1963 lagi. Dalam konteks ini, perkahwinan, dakwah sosial dan penyesuaian budaya memainkan peranan penting dalam memperkukuh penerimaan Islam, khususnya apabila hubungan kekeluargaan membuka ruang kepada penyebaran amalan Islam dalam kehidupan domestik masyarakat tempatan (Sintang, 2023). Ajaran Islam tidak hadir untuk memutuskan hubungan masyarakat daripada akar budaya mereka, apabila seseorang memeluk Islam. Sebaliknya Islam masuk secara beransur-ansur melalui keluarga, hubungan kejiranan, perdagangan, adat dan amalan harian masyarakat.

Para pedagang Muslim yang datang ke Sabah, bukan hanya membawa barang dagangan, sebaliknya mereka turut membawa nilai-nilai murni Islam seperti amanah, kejujuran, keadilan, persaudaraan dan etika muamalah dalam hubungan ekonomi dan sosial (Sugandi & Romdhoni, 2023). Nilai-nilai murni ini membentuk imej Islam sebagai agama yang dekat dengan

kehidupan, bukan hanya melalui ucapan dakwah, tetapi melalui akhlak dan tingkah laku yang dilihat oleh masyarakat tempatan. Dalam banyak hal, masyarakat mengenali Islam melalui pengalaman mereka berinteraksi dengan pedagang Muslim yang dipercayai, beradab dan menjaga hubungan baik dengan komuniti setempat. Di sinilah dakwah sosial memainkan peranan yang halus tetapi berkesan, kerana keindahan Islam terserlah melalui contoh kehidupan.

Proses penerimaan Islam dan perkembangannya lebih cepat berlaku melalui perkahwinan antara pedagang Muslim dengan masyarakat tempatan. Melalui ikatan kekeluargaan, ajaran Islam masuk ke dalam ruang sesebuah keluarga secara lebih dekat dan semula jadi. Amalan harian seperti solat, puasa, penyembelihan halal, pendidikan agama asas, doa, adab kekeluargaan dan konsep tauhid diperkenalkan dalam kehidupan harian keluarga. Hal ini menjadikan Islam bukan sekadar dikenali sebagai ajaran luar, tetapi mula dihayati sebagai sebahagian daripada kehidupan rumah tangga dan komuniti (Adam, 2023).

Menurut Hajimin et al. (2025), adaptasi budaya turut menjadi faktor penting dalam pembentukan identiti Muslim di Sabah. Masyarakat tempatan tidak semestinya meninggalkan adat asal mereka secara mendadak setelah menerima Islam. Sebaliknya, berlaku proses penyesuaian antara adat setempat dengan nilai-nilai Islam. Adat resam dan unsur budaya yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam terus dikekalkan, manakala amalan yang bertentangan dengan akidah dan syariat disesuaikan secara beransur-ansur. Pendekatan seperti ini menjadikan Islam lebih mudah diterima kerana ia tidak hadir dalam bentuk pemaksaan budaya, tetapi sebagai panduan yang memperhalus cara hidup masyarakat. Proses ini menunjukkan bahawa Islamisasi di Sabah berlaku melalui jalan yang lembut dan dekat dengan realiti kehidupan masyarakat tempatan.

Proses adaptasi ini dapat dilihat melalui pembentukan komuniti Muslim dalam kalangan masyarakat pesisir, yang menggabungkan unsur keagamaan dengan budaya tempatan. Bahasa, pakaian, adat perkahwinan, hubungan kekeluargaan, makanan halal, amalan kenduri, pengajian al-Quran dan peranan imam atau guru agama menjadi sebahagian daripada wajah sosial masyarakat Muslim. Justeru itu identiti Muslim Sabah lalu terbentuk sebagai identiti yang berakar pada Islam, tetapi tetap mempunyai ciri tempatan yang tersendiri. Hal ini memperlihatkan bahawa Islamisasi bukan hanya proses menukar kepercayaan, tetapi juga proses membina makna baharu dalam kehidupan sosial masyarakat (Rasip, 2025).

Peranan perkahwinan dan dakwah sosial juga penting kerana ia membentuk kesinambungan Islam antara generasi (Sintang et al., 2019). Anak-anak yang lahir dalam keluarga Muslim membesar dalam suasana yang sudah dipengaruhi oleh ajaran Islam, sama ada melalui pendidikan tidak formal di rumah, pengajian al-Quran, amalan ibadah harian atau hubungan dengan komuniti Muslim yang lebih luas. Dengan cara ini, identiti Muslim tidak hanya bergantung kepada tokoh pendakwah atau kuasa politik, tetapi hidup dalam struktur keluarga dan komuniti. Inilah antara kekuatan utama Islam di Sabah, iaitu kemampuannya bertapak melalui hubungan manusia yang rapat, lembut dan berterusan.

Dapat disimpulkan bahawa perkahwinan, dakwah sosial dan adaptasi budaya telah membentuk asas penting kepada identiti Muslim Sabah sebelum 1963. Melalui perkahwinan, Islam masuk ke dalam ruang keluarga. Melalui dakwah sosial, Islam diperkenalkan melalui akhlak dan hubungan kemanusiaan. Melalui adaptasi budaya, Islam diterima tanpa menghapuskan seluruh

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327
identiti tempatan secara mendadak. Gabungan ketiga-tiga unsur ini menjadikan identiti Muslim Sabah berkembang secara organik, berlapis dan dekat dengan kehidupan masyarakat.

Pengaruh Brunei dan Sulu dalam Pembentukan Identiti Muslim Serantau

Perkembangan Islam serta pembentukan identiti Muslim di Sabah sebelum tahun 1963 tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh dua kuasa Islam serantau yang penting, iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Pengaruh kedua-dua kesultanan ini memainkan peranan yang sangat besar dan penting, bukan sahaja berperanan dalam penyebaran Islam, tetapi turut membentuk corak budaya, bahasa, adat, jaringan sosial dan orientasi politik masyarakat Muslim Sabah. Pengaruh Kesultanan Sulu memberi kesan yang lebih kuat di sebelah pantai timur, manakala pengaruh Kesultanan Brunei lebih menyerlah di sebelah pantai barat, Kedua-duanya membentuk dua ruang identiti Islam yang saling melengkapi dalam sejarah masyarakat Sabah.

Kesultanan Brunei memainkan peranan penting melalui pengaruh politik, migrasi masyarakat Melayu Brunei dan pembentukan komuniti Muslim pesisir. Pada abad ke-16 M, khususnya pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, Brunei mencapai kedudukan penting sebagai kuasa maritim Islam di Borneo dan wilayah sekitarnya. Kedudukan ini menjadikan Brunei antara pusat penting dalam penyebaran budaya Melayu-Islam di utara Borneo, termasuk kawasan pantai barat Sabah (Pg. Abdurrahman, 2003). Melalui pengaruh ini, Islam tidak hanya tersebar sebagai ajaran agama, tetapi turut hadir bersama bahasa, adat, sistem sosial dan nilai kehidupan masyarakat Melayu-Islam.

Migrasi masyarakat Melayu Brunei memperkukuh lagi pembentukan identiti Muslim terutamanya di sebelah pantai Barat. Komuniti Melayu Brunei yang telah beragama Islam membawa bersama amalan keagamaan, adat perkahwinan, bahasa, hubungan kekeluargaan dan bentuk kehidupan pesisir yang kemudiannya berinteraksi dengan masyarakat tempatan. Menurut Aliakbar, Rasip & Ramli (2026a) hubungan harian, perdagangan, perkahwinan dan pendidikan agama secara tidak formal, banyak membantu membentuk identiti Muslim secara perlahan tetapi berkesan. Dalam konteks ini, pengaruh Brunei tidak hanya terletak pada kuasa politik kesultanan, tetapi juga pada kemampuan komuniti Muslimnya membina kehidupan sosial yang berakar pada nilai Islam.

Menurut Hajimin et al. (2025), pengaruh Brunei turut memperlihatkan hubungan antara kuasa politik dan penyebaran budaya Islam. Ketika Sabah berada dalam lingkungan pengaruh Brunei, kedaulatan tanah dan penduduk dikaitkan dengan kuasa Sultan Brunei, manakala pembesar Brunei diberi hak tradisional untuk mentadbir wilayah dan pengikut mereka. Sistem pemilikan tanah seperti *harta kerajaan*, *harta kuripan* dan *harta tulin* atau *pesaka* menunjukkan wujudnya struktur pentadbiran yang tersusun. Walaupun sistem tersebut bersifat politik dan ekonomi, ia secara tidak langsung membantu memperkukuh budaya Melayu-Islam kerana pentadbiran wilayah banyak dikendalikan oleh golongan pembesar dan komuniti Brunei yang beragama Islam.

Kesultanan Sulu memberi pengaruh yang besar terhadap pembentukan identiti Muslim masyarakat pesisir di sebelah pantai Timur. Kedudukan geografi yang hampir antara Sabah, Sulu dan Mindanao menjadikan wilayah ini terbuka kepada pergerakan pedagang, pelaut, pendakwah dan komuniti Muslim sebelum wujudnya sempadan politik moden. Kesultanan Sulu yang berpusat di Jolo muncul sebagai salah satu kuasa Islam penting di selatan Filipina,

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327
dan pengaruhnya meluas ke Mindanao serta sebahagian kawasan utara Borneo (Funston, 2001). Hal ini memberi kesan langsung kepada masyarakat pesisir Sabah seperti Bajau, Suluk, Tausug, Banguingui dan kelompok maritim lain yang mempunyai pertalian sosial, bahasa dan budaya dengan dunia Sulu-Mindanao.

Pengaruh kesultanan Sulu terhadap pembentukan identiti Muslim di Sabah tidak hanya berlaku melalui hubungan politik, tetapi juga melalui perdagangan, migrasi dan pertalian budaya masyarakat maritim. Pedagang dan komuniti Muslim dari Sulu serta Mindanao membawa amalan Islam, jaringan sosial, adat dan bahasa yang memperkukuh kehidupan Muslim di kawasan seperti Lahad Datu, Kinabatangan dan Teluk Darvel (Black, 1976). Oleh itu, pantai timur Sabah berkembang sebagai ruang penting pembentukan identiti Muslim berasaskan jaringan Sulu-Mindanao. Dalam hal ini, Sulu bukan sekadar kuasa politik luar, tetapi sebahagian daripada dunia sosial dan budaya yang membentuk kehidupan Muslim pesisir Sabah.

Hubungan yang terjalan antara Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu juga menunjukkan bahawa identiti Muslim di Sabah terbentuk dalam ruang sejarah yang saling berkait. Selepas berlakunya pergolakan politik dalam Kesultanan Brunei pada abad ke-17 M, sebahagian kawasan timur laut Borneo dikaitkan dengan pengaruh Sulu sebagai balasan terhadap bantuan yang diberikan kepada Brunei (Rasip et al., 2025a). Hal ini menyebabkan Sabah berada dalam lingkungan dua pengaruh Islam serantau, iaitu Brunei di pantai barat dan Sulu di pantai timur. Keadaan ini membentuk kepelbagaian wajah Islam di Sabah, namun tetap berpaksikan asas yang sama, iaitu tauhid, komuniti Muslim dan kehidupan beragama.

Dapat disimpulkan bahawa Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu memainkan peranan penting dalam membentuk identiti Muslim Sabah sebelum 1963. Kehadiran masyarakat Melayu Brunei memperkukuh identiti Melayu-Islam di pantai barat melalui migrasi, adat, bahasa dan pengaruh pentadbiran, manakala Sulu membentuk identiti Islam maritim di pantai timur melalui hubungan perdagangan, migrasi dan jaringan masyarakat pesisir. Kedua-dua pengaruh ini menunjukkan bahawa identiti Muslim di Sabah bukan bersifat tunggal atau seragam, tetapi lahir daripada pertemuan pelbagai tradisi Islam serantau. Dalam kepelbagaian itulah Islam membentuk akar sosial yang kuat, menyatukan masyarakat melalui iman, budaya dan kesedaran hidup beragama.

Kolonialisme British dan Ujian Terhadap Ketahanan Komuniti Muslim

Kehadiran kolonial British membawa perubahan besar terhadap perkembangan Islam dan identiti Muslim di Sabah (Aliakbar, Rasip, & Ramli, 2026b). Menurut Ramli (1988), sebelum pengaruh kolonial menjadi dominan, Islam berkembang melalui jaringan maritim, migrasi masyarakat Muslim, hubungan perdagangan serta pengaruh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Tetapi, apabila Sabah berada di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British pada tahun 1881, struktur politik tradisional mula berubah. Pengaruh kesultanan semakin terbatas, manakala pentadbiran kolonial memperkenalkan sistem baharu yang lebih menumpukan pengurusan wilayah, ekonomi, perdagangan dan kepentingan politik British (Abdullah, Mulia, & Esa, 2022).

Lanskap baru ini memberi kesan langsung terhadap perkembangan Islam di Sabah. Jika sebelumnya Islam banyak berkembang melalui naungan kuasa kesultanan, jaringan bangsawan dan komuniti Muslim pesisir, maka pada zaman kolonial Islam lebih banyak bergantung

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327
kepada kekuatan masyarakat tempatan sendiri. Menurut Yaacob (2021), identiti Muslim di kala ini tidak lagi hanya dipelihara melalui struktur politik, tetapi melalui amalan harian masyarakat seperti pengajian al-Quran, kelas agama tidak formal, peranan imam, guru agama, masjid, surau dan hubungan kekeluargaan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa komuniti Muslim Sabah memiliki daya tahan yang kuat dalam mempertahankan agama, walaupun tanpa sokongan institusi yang besar dan tersusun.

Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Muslim di Sabah bertambah beasr apabila misi Kristian mendapat ruang yang lebih luas untuk menyebarkan dakyahnya di bawah pentadbiran British (Maria, 2004). Kegiatan mubaligh Kristian berkembang melalui sekolah, hospital, latihan pertanian dan program pembangunan sosial (Rasip et al., 2026). Menurut Mat Kib (2003), sekolah mubaligh membantu meningkatkan literasi masyarakat tempatan, tetapi dalam masa yang sama memperkenalkan ajaran Kristian secara lebih tersusun. Hospital dan perkhidmatan kesihatan misi pula membina imej positif mubaligh sebagai pihak yang membantu masyarakat pribumi, khususnya di kawasan yang masih kuat dengan kepercayaan tradisional.

Hal ini telah menyebabkan ruang dakwah Islam menjadi terhad dan terbatas. Sebaliknya misi Kristian lebih terbuka luas, lantaran mendapat sokongan institusi, kewangan dan jaringan pendidikan yang lebih teratur dari pihak kolonial. Dakwah Islam pula banyak bergantung kepada usaha individu, guru agama, imam, pendakwah tempatan dan komuniti pesisir. Namun demikian usaha dakwah Islam mempunyai kekuatan tersendiri kerana lahir daripada kesedaran masyarakat. Islam terus hidup melalui pengajaran asas agama, majlis ilmu kecil, pengajian al-Quran, nasihat keagamaan dan hubungan erat antara guru dengan masyarakat. Dalam konteks ini, ketahanan komuniti Muslim Sabah bukan sahaja bersifat keagamaan, tetapi juga mencerminkan kekuatan sosial yang lahir daripada rasa tanggungjawab terhadap agama dan generasi.

Tindakan pihak kolonial memberi tekanan terhadap perkembangan Islam lebih terserlah dengan dasar “Concentration of Mohammedan Community” yang diluluskan oleh *North Borneo Legislative Council* pada 15 April 1935. Dasar ini telah menghadkan penghijrahan masyarakat Muslim ke kawasan bukan Muslim, sekali gus mengurangkan ruang interaksi sosial antara Muslim dan bukan Muslim (Rasip, 2025). Menurut Yaacon (2021), peristiwa pengusiran Imam Suhaili Haji Yaakub pada tahun 1956 memperlihatkan tekanan terhadap pendakwah Islam yang aktif di Putatan, Jesselton, Keningau dan Tenom. Kejayaan beliau menarik minat masyarakat tempatan, termasuk Mualaf, dianggap menggugat kegiatan misionari Kristian sehingga membawa kepada tindakan pengusiran.

Namun demikian dakwah Islam terus berkembang, walaupun berhadapan tekanan dari pihak kolonial dan persaingan misi Kristian. Sebaliknya, cabaran tersebut telah membentuk kesedaran baharu tentang pentingnya mempertahankan Islam melalui pendidikan, kepimpinan tempatan dan jaringan komuniti (Rasip et al., 2025d). Identiti Muslim Sabah menjadi semakin jelas bukan kerana ia bebas daripada ujian, tetapi kerana ia terus bertahan dalam keadaan yang mencabar. Di sinilah terserlah kekuatan dakwah yang sederhana tetapi mendalam, iaitu dakwah yang hidup melalui kesabaran, ilmu, akhlak dan kesungguhan masyarakat menjaga agama dalam ruang yang terbatas.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327

Dapat disimpulkan bahawa kolonialisme British menjadi ujian penting terhadap identiti Muslim Sabah sebelum 1963. Ia melemahkan naungan politik kesultanan, membuka ruang lebih luas kepada misi Kristian dan menghadkan perkembangan institusi Islam. Namun, pada masa yang sama, pengalaman kolonial turut memperkukuh ketahanan komuniti Muslim. Islam terus dipelihara melalui keluarga, masjid, surau, guru agama, pendakwah tempatan dan komuniti pesisir. Justeru, identiti Muslim Sabah sebelum pembentukan Malaysia tidak hanya dibentuk oleh migrasi dan adaptasi budaya, tetapi juga oleh pengalaman bertahan dalam suasana kolonial yang penuh cabaran.

Kesedaran Organisasi dan Identiti Muslim Menjelang 1963

Menjelang pembentukan Malaysia pada tahun 1963, identiti Muslim Sabah berada pada tahap perkembangan yang penting. Islam telah lama berakar dalam kehidupan masyarakat melalui migrasi, perdagangan, perkahwinan, pengaruh Brunei dan Sulu, komuniti pesisir serta pendidikan agama tidak formal. Namun, dari sudut kedudukan politik dan institusi negeri, Islam masih belum memperoleh pengiktirafan yang kukuh seperti yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu. Keadaan ini menjadikan tempoh menjelang 1963 sebagai fasa penting dalam sejarah kesedaran umat Islam Sabah, khususnya dalam usaha memperkukuh kedudukan agama dalam kerangka negeri moden (Syed Hamid & Akhmetova, 2019).

Sabah memperoleh kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1963 sebelum menyertai pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Dalam proses rundingan pembentukan Malaysia, 20 Perkara menjadi asas penting penyertaan Sabah kerana ia menyentuh isu autonomi negeri, hak masyarakat tempatan, pentadbiran, imigresen, bahasa, pendidikan dan agama. Namun, bagi masyarakat Islam Sabah, perkara yang menimbulkan perhatian ialah ketiadaan peruntukan yang menetapkan Islam sebagai agama rasmi negeri pada ketika itu (Buyong, 1995). Hal ini memperlihatkan bahawa meskipun Islam telah lama bertapak dalam masyarakat, kedudukannya dalam struktur politik negeri masih memerlukan perjuangan dan pengukuhan.

Kebimbangan terhadap kedudukan Islam menjelang pembentukan Malaysia tidak muncul secara terpisah daripada pengalaman kolonial sebelumnya. Sebelum tahun 1963, masyarakat Islam Sabah telah berhadapan dengan keterbatasan pendidikan agama, kekurangan institusi Islam yang tersusun, ruang dakwah yang terbatas dan persaingan misi Kristian yang lebih kukuh dari sudut sokongan institusi. Oleh itu, kesedaran untuk menyusun kekuatan umat Islam mula berkembang dengan lebih jelas, khususnya melalui kepimpinan tempatan dan usaha membina jaringan organisasi Islam (Madi, 2009).

Kesedaran tersebut dapat dilihat melalui kemunculan beberapa persatuan Islam sebelum dan sekitar tempoh pembentukan Malaysia. Antaranya ialah Persatuan Islam Putatan yang diketuai oleh Imam Ahmad Mus Haji Ismail, Persatuan Islam Sabah yang dipimpin oleh Tuan Haji Yusof Shamsuddin dan Persatuan Islam Tawau di bawah pimpinan OKK Zainal Kerahu. Kemunculan persatuan-persatuan ini menunjukkan bahawa pemimpin Islam Sabah mula memahami keperluan untuk bergerak secara lebih tersusun bagi mempertahankan kedudukan agama, memperkukuh pendidikan Islam dan membina kesatuan masyarakat Muslim dalam suasana politik yang sedang berubah (Nasution & Ghofur, 2017).

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327

Perkembangan ini juga menunjukkan bahawa identiti Muslim Sabah mula bergerak daripada bentuk komuniti pesisir kepada kesedaran organisasi. Sebelum itu, Islam banyak dipelihara melalui keluarga, guru agama, imam, masjid, surau dan hubungan masyarakat setempat. Menjelang 1963, kesedaran tersebut mula mengambil bentuk yang lebih tersusun melalui persatuan, kepimpinan agama dan usaha kolektif untuk memperkukuh kedudukan umat Islam (Rasip et al., 2025b). Dengan kata lain, identiti Muslim Sabah tidak lagi hanya bersifat warisan sosial dan budaya, tetapi semakin berkembang sebagai kesedaran institusi dan perjuangan masyarakat.

Dari sudut demografi, kedudukan umat Islam pada masa itu juga memperlihatkan keperluan kepada pengukuhan organisasi. Pada tahun 1960, umat Islam di Sabah dilaporkan berjumlah 172,324 orang atau 37.96 peratus daripada keseluruhan penduduk Sabah seramai 454,421 orang. Pada masa yang sama, penganut Kristian dilaporkan berjumlah 45.5 peratus, manakala selebihnya menganut kepercayaan pagan atau animisme (Madi, 2009). Data ini menunjukkan bahawa umat Islam belum berada dalam kedudukan dominan dari sudut politik dan institusi negeri. Justeru, penyatuan organisasi dan pembinaan institusi Islam menjadi keperluan penting menjelang pembentukan Malaysia.

Dengan demikian, tahun 1963 lebih tepat difahami sebagai titik peralihan politik yang menuntut pengukuhan institusi Islam, bukan sebagai permulaan sejarah Islam di Sabah. Islam telah lama hidup dalam masyarakat Sabah melalui migrasi, adaptasi budaya, pendidikan tidak formal, komuniti pesisir dan peranan pendakwah tempatan. Namun, menjelang pembentukan Malaysia, pengalaman sejarah tersebut mula diterjemahkan dalam bentuk kesedaran organisasi, kepimpinan dan keperluan kepada institusi Islam yang lebih kukuh. Di sinilah identiti Muslim Sabah memperlihatkan perubahan penting, daripada akar komuniti kepada kesedaran kolektif untuk mempertahankan masa depan agama.

Perbincangan: Identiti Muslim Sabah Sebagai Hasil Migrasi, Adaptasi Budaya dan Ketahanan Komuniti

Perbincangan tentang Islamisasi dan identiti Muslim Sabah sebelum 1963 menunjukkan bahawa identiti Muslim di negeri ini tidak terbentuk melalui satu faktor tunggal. Sebaliknya, ia lahir melalui proses sejarah sosial yang panjang, berlapis dan saling berkait. Migrasi masyarakat Muslim, hubungan perdagangan, perkahwinan, pengaruh Brunei dan Sulu, pendidikan agama tidak formal serta pengalaman berhadapan dengan kolonialisme British telah membentuk wajah Islam Sabah yang tersendiri. Oleh itu, identiti Muslim Sabah perlu difahami sebagai hasil interaksi antara pergerakan manusia, penyesuaian budaya dan daya tahan komuniti dalam menghadapi perubahan sejarah.

Pertama, migrasi Muslim membentuk asas sosial kepada kewujudan komuniti Islam di Sabah. Pergerakan masyarakat Muslim dari Brunei, Sulu, Mindanao, Sulawesi, Sumatera dan wilayah lain menjadikan Sabah sebagai ruang pertemuan masyarakat maritim yang pelbagai. Di pantai barat, migrasi masyarakat Melayu Brunei memperkukuh budaya Melayu-Islam melalui bahasa, adat, hubungan kekeluargaan dan amalan keagamaan. Di pantai timur pula, hubungan dengan Sulu dan Mindanao membentuk komuniti Muslim pesisir yang mempunyai pertalian dengan masyarakat Bajau, Suluk, Tausug dan kelompok maritim lain (Black, 1976). Hal ini menunjukkan bahawa identiti Muslim Sabah sejak awal lagi berkembang dalam suasana mobiliti, keterbukaan dan hubungan serantau.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327

Kedua, adaptasi budaya menjadi mekanisme penting yang membolehkan Islam diterima secara harmoni dalam masyarakat tempatan. Islam tidak hadir dengan memutuskan seluruh adat dan budaya asal masyarakat, tetapi berkembang melalui proses penyesuaian yang beransur-ansur. Perdagangan, perkahwinan dan hubungan sosial membolehkan nilai Islam masuk ke ruang keluarga dan komuniti melalui amalan seperti solat, puasa, makanan halal, pendidikan agama asas dan adab kehidupan. Proses ini menunjukkan bahawa Islam diterima bukan hanya sebagai doktrin keagamaan, tetapi sebagai nilai hidup yang menyusun hubungan keluarga, ekonomi dan komuniti (Muhiddin, 1990).

Ketiga, pengalaman kolonial membentuk ketahanan komuniti Muslim Sabah. Apabila pengaruh kesultanan semakin melemah di bawah pentadbiran British, Islam tidak lagi bergantung kepada naungan politik tradisional. Sebaliknya, ia bertahan melalui keluarga, imam, guru agama, masjid, surau, kelas al-Quran, pendakwah tempatan dan komuniti pesisir. Dalam masa yang sama, misi Kristian mendapat ruang yang lebih luas melalui sekolah, hospital dan program sosial, manakala dakwah Islam bergerak dalam keadaan lebih terbatas (Mat Kib, 2003; Yaacob, 2021). Namun, cabaran ini tidak memadamkan identiti Muslim Sabah. Sebaliknya, ia melahirkan kesedaran baharu tentang pentingnya ilmu, kepimpinan agama dan penyatuan komuniti.

Keempat, kesedaran organisasi menjelang 1963 menunjukkan perubahan penting dalam identiti Muslim Sabah. Sebelum itu, Islam banyak dipelihara melalui jaringan keluarga dan komuniti setempat. Namun, menjelang pembentukan Malaysia, kesedaran umat Islam mulai bergerak ke arah bentuk yang lebih tersusun melalui persatuan dan kepimpinan tempatan. Kemunculan Persatuan Islam Putatan, Persatuan Islam Sabah dan Persatuan Islam Tawau menunjukkan bahawa pemimpin Islam Sabah mula melihat keperluan untuk mempertahankan kedudukan agama melalui organisasi, pendidikan dan kesatuan masyarakat (Nasution & Ghofur, 2017). Perkembangan ini menandakan bahawa identiti Muslim Sabah telah bergerak daripada identiti komuniti pesisir kepada kesedaran kolektif yang lebih luas.

Berdasarkan perbincangan ini, identiti Muslim Sabah sebelum 1963 dapat dilihat melalui tiga lapisan utama. Lapisan pertama ialah lapisan migrasi, iaitu pergerakan masyarakat Muslim yang membentuk komuniti pesisir dan jaringan sosial Islam. Lapisan kedua ialah lapisan adaptasi budaya, iaitu proses penyesuaian antara ajaran Islam dengan adat, keluarga dan kehidupan harian masyarakat tempatan. Lapisan ketiga ialah lapisan ketahanan komuniti, iaitu kemampuan masyarakat Muslim mempertahankan agama dalam suasana kolonial yang penuh cabaran. Ketiga-tiga lapisan ini membuktikan bahawa identiti Muslim Sabah bukan sekadar hasil penerimaan agama secara formal, tetapi hasil perjuangan sosial yang panjang, lembut dan berterusan.

Dengan demikian, Islamisasi dan identiti Muslim Sabah sebelum 1963 perlu difahami sebagai proses yang saling berkait. Islamisasi merujuk kepada penyebaran dan penerimaan Islam, manakala identiti Muslim merujuk kepada bagaimana Islam dihayati, disesuaikan dan dipertahankan dalam kehidupan masyarakat. Dalam konteks Sabah, kedua-duanya bergerak bersama. Islam masuk melalui migrasi dan jaringan sosial, diterima melalui adaptasi budaya, dan terus hidup melalui ketahanan komuniti. Inilah yang menjadikan sejarah Islam di Sabah bukan hanya sejarah kedatangan agama, tetapi juga sejarah pembentukan manusia, komuniti dan kesedaran beragama yang berakar dalam pengalaman tempatan.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327

Kesimpulan

Kajian ini membicarakan tentang Islamisasi dan pembentukan identiti Muslim di Sabah sebelum tahun 1963. Analisi dilakukan dengan menumpukan kepada tiga unsur utama, iaitu migrasi, adaptasi budaya dan ketahanan komuniti. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa identiti Muslim di Sabah tidak terbentuk secara secara beransur-ansur melalui pergerakan masyarakat Muslim, hubungan perdagangan, perkahwinan, pengaruh Brunei dan Sulu, pendidikan agama tidak formal serta pengalaman menghadapi cabaran kolonial. Justeru itu Islamisasi Sabah bukan hanya sebagai proses penyebaran agama, tetapi sebagai proses sosial yang membentuk komuniti, budaya dan kesedaran beragama masyarakat tempatan.

Perkara yang menjadi asas penting dalam pembentukan komuniti Islam di Sabah ialah migrasi masyarakat Muslim. Hubungan Sabah dengan Brunei, Sulu, Mindanao, Sulawesi, Sumatera dan wilayah Islam serantau yang telah menjadikan negeri ini sebahagian daripada ruang maritim yang hidup dan saling berhubung. Manakala masyarakat Melayu Brunei memperkukuh identiti Melayu-Islam melalui bahasa, adat dan amalan keagamaan si sebelah Pantai Barat. Di pantai timur pula, jaringan Sulu-Mindanao membentuk identiti Muslim pesisir melalui hubungan perdagangan, migrasi dan pertalian sosial masyarakat maritim.

Faktor adaptasi budaya turut memainkan peranan besar dalam memperkukuh penerimaan Islam di kalangan masyarakat Sabah. Islam berkembang melalui hubungan yang dekat dengan kehidupan masyarakat, khususnya melalui akhlak pedagang Muslim, perkahwinan, hubungan kekeluargaan dan amalan harian. Nilai yang mulia seperti amanah, kejujuran, keadilan, adab kekeluargaan, makanan halal, pendidikan agama asas dan pengajian al-Quran turut membantu menjadikan Islam sebahagian daripada kehidupan sosial masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa Islamisasi di Sabah tidak berlaku secara kuasa tekanan politik atau kekuasaan, tetapi melalui penyesuaian yang lembut dengan budaya tempatan dengan beransur-ansur dan penuh hikmah.

Kehadiran kolonial telah menjadi tekanan terhadap ketahanan komuniti Muslim Sabah. Apabila pengaruh kesultanan semakin terbatas dan misi Kristian yang di bawa oleh kolonial mendapat ruang yang lebih luas melalui pendidikan, kesihatan dan program sosial, Islam terus bertahan melalui keluarga, imam, guru agama, masjid, surau, kelas al-Quran dan komuniti pesisir. Namun demikian cabaran kolonial tidak melemahkan identiti Muslim Sabah bahkan mendorong kesedaran baharu tentang pentingnya pendidikan agama, kepimpinan tempatan dan penyatuan organisasi Islam.

Identiti Muslim Sabah telah memiliki akar sejarah dan sosial yang kukuh, menjelang tahun 1963. Namun demikian kedudukan Islam dalam struktur negeri, masih memerlukan pengukuhan. Kemunculan persatuan Islam dan kesedaran pemimpin tempatan memperlihatkan bahawa masyarakat Muslim Sabah mula bergerak daripada identiti komuniti pesisir kepada kesedaran organisasi yang lebih tersusun. Justeru itu, tahun 1963 lebih tepat difahami sebagai titik peralihan politik yang menuntut pengukuhan institusi Islam di Sabah.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa Islamisasi dan identiti Muslim di Sabah sebelum 1963 perlu difahami sebagai proses sejarah sosial yang berlapis. Migrasi membentuk asas komuniti, adaptasi budaya menjadikan Islam dekat dengan kehidupan masyarakat, manakala ketahanan komuniti memastikan Islam terus hidup dalam suasana yang mencabar. Lantaran itu, identiti Muslim Sabah bukan hanya hasil penerimaan agama secara formal,

sebaliknya ia merupakan hasil perjalanan panjang masyarakat yang membawa, menyesuaikan dan mempertahankan Islam sebagai sebahagian daripada kehidupan, budaya dan kesedaran kolektif mereka.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini mendapat sokongan kewangan melalui Geran Penyelidikan **LPK2602.**
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Zaifuddin Md Rasip merupakan penulis utama yang bertanggungjawab dalam penghasilan idea kajian, penulisan manuskrip, analisis data, serta penyediaan keseluruhan artikel. Syamsul dan Mohd Nur Hidayat bertanggungjawab dalam aspek metodologi kajian, termasuk reka bentuk penyelidikan dan pelaksanaan kaedah kajian. Hajar Opir dan Sahlan berperanan dalam proses semakan, penilaian, dan memastikan keseluruhan artikel berada dalam keadaan yang lengkap, teratur, dan memenuhi standard penerbitan akademik. Nur Shahmirdha Sarrulan bertindak sebagai penulis koresponden (corresponding author) yang menguruskan komunikasi rasmi dengan pihak jurnal serta hal-hal teknikal berkaitan proses penerbitan. Semua penulis telah membaca, menyemak, dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum diterbitkan.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1309-1327

Rujukan

Abdullah, A. R. T., Mulia, P. A. H., & Esa, M. S. (2022). Status perundangan Sabah dalam sejarah: Perubahan dalam pembentukan entiti politik dalam era prakolonial dan kolonial. *Manu, 33*(2), 175–192. https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.3926

Adam, S. D. S. (2023). Education challenges in Sabah before 1963. *International Journal of Modern Education, 5*(17), 1–12. https://doi.org/10.35631/ijmoe.517004

Aliakbar, A. Z. A., Rasip, Z. M., & Ramli, I. (2026a). Beyond conversion: Factors behind the growing number of mualaf in Sabah and the challenges of religious integration. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS),* 10(2), 1190–1201. https://doi.org/10.47772/IJRISS.2026.10200086

Aliakbar, A. Z. A., Rasip, Z. M., & Ramli, I. (2026b). Challenges faced by murut muslim converts in Keningau, Sabah: An empirical survey. *GJAT Global Journal Al-Thaqafah, 16*(1), 58–74.

Black, I. (1976). Inter-ethnic and culture change under colonial rule: A study of Sabah. In G. N. Appell (Ed.), *Studies in Borneo societies: Social process and anthropological explanation*. East Asian Studies.

Buyong, G. (1995). *Islam di Sabah: Peranan Putatan dalam perkembangannya*. Majlis Ugama Islam Sabah.

Funston, J. (2001). *Government and Politics in Southest Asia.* ISEAS.

Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A., Hamzah, A. H., & Rasip, Z. M. (2025). *Dakwah, pendidikan dan sosial Islam di Sabah: Isu terpilih dan cabaran semasa*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah.

Hamdani, H., Masudi, I., & Muhtarom, A. (2023). Islam Maritim dan Kultur Penjelajah Laut Masyarakat Nusantara. *ISLAM NUSANTARA, 4*(1), 27–52. https://doi.org/10.47776/islamnusantara.v4i1.670

Jamil, N. (2010). *Pembentukan Malaysia dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah*. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

Low, K. O., & Pugh-Kitingan, J. (2015). The impact of Christianity on traditional agricultural practices and beliefs among the Kimaragang of Sabah: A preliminary study. *Asian Ethnology, 74*(2), 401–424. https://doi.org/10.18874/ae.74.2.08

Madi, E. (2009). *Sinar perjuangan USIA*. NS Printing.

Maria, P. K. (2004). Christian mission in Malaysia: Past emphasis, present engagement, and future possibilities [Master's thesis, Australian Catholic University].

Mat Kib, M. Z. (2003). Christianity in Sabah, 1881–1994. Penerbit UKM.

Maulana, A. (2025). Pengaruh Islam terhadap pembentukan identitas budaya masyarakat Melayu. *Journal of Islamicjerusalem Studies.* 1(2), 209–225. https://doi.org/10.65802/nihayah.v1i2.18

Muhiddin, Y. (1990). Islam in Sabah. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nasution, S., & Ghofur, A. (2017). The development of Islam in Sabah, Malaysia: A socio-historical perspective. *Toleransi: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama, 9*(2), 152–183. https://doi.org/10.24014/trs.v9i2.4329

Pg. Abdurrahman. P. M. (2003). *Brunei Darussalam pusat penyebaran Islam di abad ke-16M: Satu sumbangan dari Malaka*. Institut Pengajian Islam.

Ramli, M. H. (1988). The History of Islam and the Struggle of Sabah's ulamas. ABIM.

Rasip, Z. M. (2025). *Dakwah dan Mualaf di Sabah: Cabaran Kejayaan dan Senergi Dakwah,* Fakulti Pengajian Islam UMS.

Rasip, Z. M., Abdul Muin, S., Ramlie, H., Ag Basir, D. H., & Kadri, R. (2025a). Competing faiths under colonial rule: Islamic expansion, Christian missionaries, and the emergence

of Mualaf in the making of religious identity in Sabah. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 14*(2), 1440–1455. https://doi.org/10.6007/IJARPED/v14-i2/25548

Rasip, Z. M., Hamzah, A., Hajimin, M. N. H. H., Razak, M. S. A., Adol, S., & Marinsah, S. A. (2025b). The historical development of Islam and converts in Sabah, Malaysia: from the 14th century to the official designation of Islam as the state religion. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences, 15*(3), 1556–1572. https://doi.org/10.6007/ijarbss/v15-i3/24958

Rasip, Z. M., Nayan, N. F. S., Abu Bakar, N. I. N., Sabri, S. H., & Mohamad, M. Z. (2025c). Converts and the Early Development of Islam in Sabah: History and Challenges from the 14th Century to the Independence Era in 1963. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 14*(1), 1495–1509. http://doi.org/10.6007/IJARPED/v14-i1/24648

Rasip, Z. M., Sarrulan, N. S., Opir, H., Abdullah, W. Y., & Subhan, M. (2026). Indigenous Muslim converts in Sabah, Malaysia: educational development and post-conversion adaptation. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 16*(7), 1114-1131. http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v16-i7/28708

Rasip, Z. M., Taat, M. S., Hamzah, A. H., Ibrahim, I. A., & Opir, H. (2025d). Da'wah in Sabah, Malaysia (1963–1973): Tun Datu Mustapha effort and contributions. *Ulumuna, 29*(2), 1165–1192. https://doi.org/10.20414/ujis.v29i2.1364

Richard, Y. S. (1999). *The history of the Borneo Evangelical Church.* Nipuhawang Publishing.

Sadiida, A., Hamidah, U., & Kusuma, L. N. (2025). Perdagangan rempah dan penyebaran Islam: Analisis peran pedagang Muslim di Nusantara abad ke-16. *Jurnal BIMA, 3*(4), 48-61. https://doi.org/10.61132/bima.v3i4.2535

Sintang, S. (2023). Perkahwinan campur kedatuan Idahan dan hubungannya dengan perkembangan Islam di Lahad Datu, Sabah. *Akademika*, *93*(1), 15–16. https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-02

Sintang, S., Mohd Tamring, B. A., Lukin, S. A., & Mohd Yakin, H. S. (2019). Fenomena agama di pedalaman Sabah. *Journal of History Department, University of Malaya, 28*(2),187-199. https://doi.org/10.22452/sejarah.vol28no2.10

Sudarman, S., Rahmi, A., Wusqo, W., Halimy, S., & Rahmawati, R. (2021). Trade and religious conversion in the Malay world: Study on Islamization in the Inderapura Kingdom in the 17th–18th centuries AD. *Journal of Islamic Studies and Culture*, *19*(1), 44–57. https://doi.org/10.24090/ibda.v19i1.3728

Sugandi, M. A., & Romdhoni, A. A. (2023). History of the development of Islamic da'wah in spreading Islamic teachings. *Interdisciplinary Journal of Islamic Studies, 1*(2), 74–81. https://doi.org/10.61166/ikhsan.v1i2.34

Sulistiono, B. B. & Muchsi, M. A. (2022). Portraying the tract of Islam in empowering the dynamics of the potential of maritime Nusantara through the spice route perspective. (2022). *Miqot, 46*(1), 139–161. https://doi.org/10.30821/miqot.v46i1.899

Syed Hamid, S. S. H., & Akhmetova, E. (2019). Islam and politics in Malaysia: The realisation of Islam as a state religion in Sabah. *Journal of Islam in Asia, 16*(2), 254–272. https://doi.org/10.31436/JIA.V16I2.734.

Wang, L., Putri, S. A., Ananda, R. D., Andira, B. I., Manalu, A. I. A., & Zalukhu, D. (2024). Pengaruh perdagangan maritim terhadap penyebaran Islam di Indonesia pada abad ke-15 M hingga ke-17 M. *Polyscopia, 1*(3), 74–79. https://doi.org/10.57251/polyscopia.v1i3.1342

Yaacob, H. F. (2021). Orientalist perspectives on Islam in Borneo. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 8*(2), 49–66. https://doi.org/10.11113/umran2021.8n2.465.
Yusoff, I. (2004). Politics and religion in Sabah. Universiti Kebangsaan Malaysia.